

PERSEPSI KOMUNITI SETEMPAT TERHADAP KEISTIMEWAAN PURA TANJUNG

SABTU, TERENGGANU

NUR AZYYATE BINTI BAHARUDIN

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

2021

KELANTAN



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**PERSEPSI KOMUNITI SETEMPAT TERHADAP KEISTIMEWAAN PURA TANJUNG
SABTU, TERENGGANU**

**DISEDIAKAN OLEH:
NUR AZYYATE BINTI BAHARUDIN**

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2021

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.

Dari tarikh _____ hingga _____

SULIT (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*

TERHAD (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyalia

NUR AZYYATE BINTI BAHARUDIN

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila keipilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu” telah disediakan oleh **(NUR AZYYATE BINTI BAHARUDIN)** dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian **(Konservasi Warisan)**.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Syukur Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ialhi kerana dengan izin kurniaNya dapat saya menyiapkan projek penyelidikan ini mengikut pada masa yang telah ditetapkan walaupun terdapat masalah yang ditempuh dalam usaha untuk melengkapkan projek penyelidikan ini.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia projek penyelidikan saya iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari atas nasihat, bimbingan dan sokongan yang diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Beliau merupakan individu yang selalu memberikan pandangan tentang projek penyelidikan yang dijalankan dan mengambil berat tentang tugas para pelajar di bawah seliaannya agar kajian ini dapat disiapkan mengikut waktu yang ditetapkan.

Selain itu, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang sering memberikan kata-kata semangat dan sokongan moral sepanjang tempoh saya menyiapkan projek penyelidikan ini. Tanpa mereka berdua, tidak mungkin saya dapat sampai ke tahap ini.

Seterusnya, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan yang saling memberikan sokongan dan dorongan untuk menyiapkan kajian ini. Akhir sekali, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat tidak kira secara langsung ataupun tidak langsung dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini.

Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu

ABSTRAK

Projek penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai “Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu”. Pura Tanjung Sabtu adalah peninggalan warisan kesultanan Melayu zaman silam di negeri Terengganu. Peninggalan ini terletak di Kampung Tanjung Sabtu, Manir, Terengganu. Lokasi ini terletak kira-kira 14 kilometer dari bandar raya Kuala Terengganu. Pura pada nama tersebut diambil daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud istana, kuil atau bandar manakala Tanjung Sabtu pula diambil daripada nama sebuah kampung yang ada di situ. Pengkaji menyasarkan Pura Tanjung Sabtu kerana peninggalan ini terbiar begitu sahaja. Hal ini terjadi kerana kurangnya promosi untuk bangunan Pura Tanjung Sabtu. Selain itu, tahap kesedaran masyarakat dalam usaha untuk pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Menurut Yuzana Muhammad (2019), dalam kalangan masyarakat, kesedaran masyarakat tentang pentingnya memelihara dan menjaga peninggalan warisan masih berada di tahap yang rendah. Objektif kajian bagi projek penyelidikan ini adalah mengetahui sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu. Seterusnya, untuk mengetahui persepsi masyarakat tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu. Akhir sekali, untuk mengenalpasti potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan. Kaedah temubual digunakan bagi mendapatkan data sekaligus menyempurnakan proses penyelidikan ini dari fasa awal sehingga akhir. Kajian ini akan memberikan kepentingan nilai warisan kepada pelbagai pihak sekiranya langkah pemuliharaan dan pemeliharaan dibuat. Hal ini sekaligus dapat menghargai nilai warisan ketara yang berharga ini khususnya untuk generasi akan datang.

Kata kunci : *komuniti, keistimewaan, kampung tanjung sabtu, pura tanjung sabtu*

The Perception Of The Community Towards The Privileges Of Pura Tanjung Sabtu

ABSTRACT

This research project is a study on “The Perception Of The Community Towards The Privileges Of Pura Tanjung Sabtu”. Pura Tanjung Sabtu is a legacy of Malay sultanate in the state of Terengganu. The remains are located in Kampung Tanjung Sabtu, Manir, Terengganu. The location is about 14 kilometers from the city of Kuala Terengganu. Pura on the name is derived from the Sanskrit word meaning palace, temple or city while the Tanjung Sabtu is named after the village. The researchers are targeting the Pura Tanjung Sabtu because the relics are just as idle. This is due to the lack of promotion for the Pura Tanjung Sabtu. In addition, the level of public awareness in efforts to preserve and preserve heritage buildings. According to Yuzana Muhammad (2019), among the people, public awareness of the importance of preserving and maintaining heritage remains low. The objective of this research project is to know the history of the Pura Tanjung Sabtu. Next, to find out the public's perception of the privileges of Pura Tanjung Sabtu. Finally, to identify the potential of Pura Tanjung Sabtu as a heritage tourism asset. The interview method is used to obtain data while refining this research process from the initial phase to the end. This study will give the importance of heritage value to various parties if conservation and preservation measures are taken. This can at the same time appreciate the value of this valuable heritage especially for future generations.

Keywords: *community, privilege, kampung tanjung sabtu, pura tanjung sabtu*

ISI KANDUNGAN

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---------------------------|-------------------|
| PENGHARGAAN | i |
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | iii |
| ISI KANDUNGAN | iv |
| SENARAI JADUAL | vii |
| SENARAI RAJAH | vii |
| BAB 1 PENDAHULUAN | 1 |
| 1.1 Pengenalan | 1 |
| 1.2 Latar Belakang Kajian | 3 |
| 1.3 Permasalahan Kajian | 5 |
| 1.4 Objektif Kajian | 6 |
| 1.5 Persoalan Kajian | 6 |
| 1.6 Kepentingan Kajian | 7 |
| 1.7 Skop Kajian | 8 |
| 1.8 Batasan Kajian | 10 |
| 1.9 Definisi Terminologi | 10 |
| 1.10 Penutup | 11 |

| | |
|--|-----------|
| BAB 2 SOROTAN KAJIAN | 13 |
| 2.1 Pengenalan | 13 |
| 2.2 Kajian Tentang Bangunan Warisan di Malaysia | 13 |
| 2.3 Nilai Senibina dalam Industri Pelancongan | 15 |
| 2.4 Peranan Bangunan Bersejarah dalam Membentuk Jati Diri Masyarakat | 16 |
| 2.5 Amalan Baik Senggaraan Bangunan Warisan di Malaysia | 17 |
| 2.6 Pengaruh Senibina Melayu di Malaysia | 19 |
| 2.7 Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu | 20 |
| 2.8 Penutup | 21 |
| BAB 3 METODOLOGI KAJIAN | 22 |
| 3.1 Pengenalan | 22 |
| 3.2 Rekabentuk Kajian | 22 |
| 3.3 Instrumen Kajian | 27 |
| 3.4 Prosedur Pungutan Data | 27 |
| 3.5 Kaedah Analisis Data | 27 |
| 3.6 Penutup | 29 |

| | |
|--|-----------|
| BAB 4 DAPATAN KAJIAN | 30 |
| 4.1 Pengenalan | 30 |
| 4.2 Analisis Demografi Responden | 31 |
| 4.3 Keistimewaan Dari Sudut Sejarah Kewujudan Pura Tanjung Sabtu | 32 |
| 4.4 Persepsi Masyarakat Tentang Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu | 36 |
| 4.5 Potensi Pura Tanjung Sabtu Sebagai Aset Pelancongan Warisan | 39 |
| 4.6 Penutup | 42 |
| BAB 5 PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN | 43 |
| 5.1 Pengenalan | 43 |
| 5.2 Perbincangan Dapatan Kajian | 43 |
| 5.3 Rumusan | 46 |
| 5.4 Cadangan | 47 |
| 5.5 Penutup | 48 |
| RUJUKAN | 48 |
| LAMPIRAN | 52 |

SENARAI JADUAL

| NO. | | MUKA SURAT |
|-----|--------------------------------|------------|
| 3.1 | Rekabentuk Kajian | 28 |
| 4.1 | Latarbelakang Responden Kajian | 31 |

SENARAI RAJAH

| NO. | | MUKA SURAT |
|-----|-----------------------|------------|
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 5 |
| 1.7 | Skop Kajian | 9 |
| 3.1 | Metodologi Kajian | 23 |
| 3.2 | Kaedah Penyelidikan | 24 |
| 4.1 | Dapatan Kajian | 34 |
| 4.2 | Dapatan Kajian | 38 |
| 4.3 | Dapatan Kajian | 41 |

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Malaysia adalah sebuah negara yang kaya bukan sahaja dari segi sumber malah kaya dengan sejarah. Hal ini adalah perkara biasa lantaran adanya percampuran budaya, agama dan bangsa. Kepelbagaian kaum seperti Melayu, Cina dan India telah melahirkan latar belakang sejarah yang pelbagai. Rakyat Malaysia juga menghormati adat dan agama masing-masing. Kepelbagaian ini bukan sahaja dapat dilihat melalui pakaian dan makanan tradisional mengikut kaum, malah seni bina bangunan di Malaysia juga dibina mengikut kebiasaan kaum masing-masing. Bangunan-bangunan ini dapat dilihat hasil daripada peninggalan sejarah. Bangunan warisan adalah peninggalan yang amat bernilai dan berharga bagi negara. Penyelenggaraan dan pemuliharaan yang baik dan sistematik perlu diamalkan untuk memastikan keutuhan bangunan warisan tersebut dari segi reka bentuk dan nilai seni bina. Hal ini sekaligus dapat mengekalkan kewujudan bangunan warisan ini dalam jangka masa yang lama.

Menurut Lois Lamy al-Faruqi (1984) perbezaan jawapan tentang maksud seni bina ini dapat dilihat dari segi perbezaan demografi seperti pendidikan, budaya dan pekerjaan seseorang. Bukan itu sahaja, personaliti seseorang juga akan menyumbang kepada jawapan yang berbeza. Maksud seni bina boleh dikategorikan kepada 2 iaitu seni dan bina. Pada mulanya, seni merupakan perkataan Latin yang

memfokuskan kepada kerja tangan atau ukiran. Pengertian ini digunakan secara meluas pada abad pertengahan yang berkaitan dengan kerja tangan atau aktiviti teknikal dan ukiran khususnya (Lois Lamy al-Faruqi, 1984). Seterusnya, menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, bina ialah seni atau ilmu yang merancang, membentuk dan membina bangunan.

Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun (2005), di dalam kajiannya yang bertajuk 'Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina di Malaysia' menyatakan seni bina di Malaysia mempunyai perkembangan sejarah yang tersendiri dan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Seni bina awal di Malaysia yang masih kekal dan dapat dilawati pada masa kini adalah di Lembah Bujang, Kedah. Hal ini dikatakan demikian kerana, di Tanah Melayu, perkembangan tamadun dan petempatan awal telah bermula pada awal abad pertama masehi. Kerajaan Melayu Tua seperti Kataha telah wujud di Asia Tenggara seperti Kambojia, Vietnam, Selatan Thailand sehingga ke Tanah Melayu. Kataha yang mempunyai pusat kerajaan di Lembah Bujang dikatakan telah wujud sejak abad ke-6 hingga ke-13. Sejak itu, Kataha atau lebih dikenali sebagai Kedah Tua telah berkembang menjadi pelabuhan dan pusat kegiatan agama Buddha dan Hindu. Kepandaian masyarakat Kedah Tua dalam membina bangunan dibuktikan dengan penemuan candi dan artifak yang berunsurkan Hindu-Buddha. Penemuan candi di Lembah Bujang adalah penemuan yang penting kerana ianya dapat membuktikan seni bina terawal telah wujud di Malaysia.

Selain itu, seni bina yang berunsurkan Melayu juga telah lama wujud di Malaysia. Setelah pengaruh Hindu beransur tenggelam, kedatangan agama Islam dan perkembangannya di kepulauan Melayu telah memberi impak yang besar kepada corak hidup dan budaya masyarakat ketika itu. Teknologi binaan yang ringkas dan menggunakan bahan-bahan yang mudah diperolehi dari alam semulajadi merupakan ciri penting seni bina Melayu. Kebiasaannya, kayu akan digunakan untuk membina struktur utama seperti tiang, lantai dan dinding. Rumah Melayu juga biasanya tidak menggunakan paku tetapi hanya dipasak dengan kayu. Selain itu, seni bina rumah Melayu juga bermotifkan ukiran dan bentuk binaan yang pelbagai berdasarkan pengaruh negeri-negeri Melayu dan juga pengaruh Nusantara seperti Indonesia dan Selatan Thailand. Selain mempunyai bentuk dan teknologi binaan yang unik, seni bina Melayu juga berfungsi untuk menunjukkan budaya, tamadun

dan falsafah hidup sesebuah bangsa. Setiap binaan dan bentuk yang dibina mempunyai sebab dan maksudnya yang tersendiri (Dr. Siti Norlizaiha Harun, 2005).

1.2 Latar Belakang Kajian

Tajuk yang akan dikaji ialah 'Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu'. Negeri Terengganu Darul Iman terletak di bahagian pantai timur Semenanjung Malaysia. Secara keseluruhannya, Terengganu mempunyai 8 buah daerah utama iaitu Kuala Terengganu, Kuala Nerus, Marang, Dungun, Kemaman, Hulu Terengganu, Setiu dan Besut. Sejarah penamaan Terengganu tidak begitu jelas kerana terdapat banyak cerita-cerita menarik yang boleh dikaitkan dengan penemuan nama Terengganu. Kisah yang biasa didengari ialah Taring Anu. Menurut portal rasmi kerajaan negeri Terengganu, kisah ini dikatakan diambil oleh Almarhum Sultan Umar. Sultan Umar ialah sultan yang kesembilan memerintah negeri Terengganu iaitu pada tahun 1839 sehingga 1876.

Menurut Misbaha (1992) melalui bukunya yang bertajuk 'Sejarah Darul Iman', ceritanya bermula apabila satu rombongan daripada negeri Pahang mengembara ke bahagian Hulu Terengganu untuk memburu. Apabila rombongan tersebut sampai di sungai Terengganu Mati, salah seorang daripada mereka menjumpai sebatang taring. Akibat daripada terlupa nama asal taring tersebut, salah seorang telah mengatakan bahawa itu adalah 'taring anu' dan perbualan mereka berakhir begitu sahaja. Selang beberapa hari, rombongan itu telah memburu seekor rusa di kawasan tersebut dan membawa pulang rusa tersebut ke perhentian mereka. Lalu, beberapa orang yang tidak menyertai aktiviti memburu tadi bertanya di manakah mereka menjumpai rusa ini dan mereka menjawab di tempat taring anu. Lama kelamaan, tempat tersebut pun dipanggil Terengganu.

Menurut portal akhbar Sinar Harian (2020), Pura Tanjung Sabtu adalah peninggalan warisan kesultanan Melayu zaman silam di Terengganu. Peninggalan ini terletak di Kampung Tanjung Sabtu, Manir, 21060 Kuala Terengganu, Terengganu. Lokasi ini terletak kira-kira 14 kilometer dari bandar raya Kuala Terengganu. Pura pada nama tersebut diambil daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud istana, kuil atau bandar manakala Tanjung Sabtu pula diambil bersempena nama sebuah

kampung yang ada di situ. Sebelum bangunan ini ditinggalkan dan dibiarkan usang, Pura Tanjung Sabtu pernah dijadikan sebagai penginapan yang dikenali sebagai 'Royal Homestay'. Pemilik asal Pura Tanjung Sabtu ini ialah Allahyarham Tengku Ismail Tengku Su. Beliau merupakan salah seorang kerabat diraja Terengganu. Beliau telah meninggal dunia di Hospital Royal Brompton, London akibat mengalami serangan jantung. Beliau juga diberikan jolokan 'Putera Songket' di atas jasa-jasanya yang telah mengangkat martabat seni warisan songket. Setelah kematian beliau, Pura Tanjung Sabtu tidak lagi bertuan dan dibiarkan tanpa pengawasan.

Selain daripada Pura Tanjung Sabtu, mungkin masih ada di luar sana bangunan-bangunan warisan yang tidak dijaga dengan baik. Bangunan-bangunan warisan mempunyai potensinya yang tersendiri dalam pelbagai sektor. Sebagai contoh, sektor pelancongan. Namun begitu, potensi yang ada pada bangunan warisan contohnya Pura Tanjung Sabtu hanya disia-siakan begitu sahaja. Powell (1994) menyatakan bahawa bangunan warisan adalah satu peninggalan yang mempunyai nilai tersirat dan tersurat. Nilai ini boleh dilihat dan disentuh dengan pancaindera secara nyata. Antara kepentingan untuk memulihara bangunan warisan adalah bangunan warisan boleh dijadikan penarik bagi sektor pelancongan. Dengan adanya usaha pemuliharaan bangunan bersejarah, ianya boleh dianggap sebagai bidang yang menyumbang kepada ekonomi sesebuah negara. Bangunan dan tapak fizikal memainkan peranan penting untuk membentuk produk pelancongan negara. Hal ini boleh dilihat apabila sesebuah negara dikenali dengan peninggalan warisan yang dijadikan mercu tanda yang masih kekal dan berdiri teguh.



Rajah 1.1 : Pura Tanjung Sabtu, Terengganu

(Sumber : <https://www.libur.com.my/sayangnya-pura-tanjung-sabtu-warisan-kesultanan-melayu-zaman-silam-terengganu-dibiar-usang/>)

1.3 Permasalahan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji akan membincangkan tentang isu dan masalah yang ingin dikaji didalam penyelidikan ini. Bagi menjalankan kajian penyelidikan, bahagian ini memainkan peranan penting agar tujuan utama kajian yang dilakukan dapat dicapai. Sumber untuk membina pernyataan masalah ini boleh diperolehi melalui pembacaan, pemerhatian, temu bual dan melalui penelitian dokumen. Kurangnya promosi untuk bangunan Pura Tanjung Sabtu menjadi isu pertama yang menyumbang kepada permasalahan kajian. Hal ini telah menyebabkan peninggalan ini dibiarkan tanpa pengawasan sehingga menjadi usang. Mengapa tiada pihak yang mengambil langkah untuk memulihara bangunan warisan ini?. Masyarakat muda juga mungkin tidak mengetahui tentang Pura Tanjung Sabtu dan juga sejarahnya. Hal ini mampu menyebabkan rasa sayang akan bangunan warisan tiada dalam diri mereka. Selain itu, mungkin ada sebab-sebab lain yang menyebabkan bangunan ini dibiarkan begitu tanpa ada usaha untuk memuliharanya.

Seterusnya, tahap kesedaran masyarakat dalam usaha untuk pemuliharaan dan pemeliharaan bangunan warisan. Menurut Yuzana Muhammad (2019), dalam kalangan masyarakat, kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan sudah ada namun begitu, kesedaran masyarakat tentang pentingnya memelihara dan menjaga peninggalan warisan masih berada di tahap yang rendah. Oleh sebab itu, ianya telah menjadi punca Pura Tanjung Sabtu dibiarkan begitu sahaja.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian adalah satu perkara yang diperlukan dalam sesebuah kajian agar tujuan kajian yang akan dijalankan dapat dicapai. Antara 3 objektif yang akan digunakan termasuklah :

- i. Mengetahui sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu.
- ii. Mengetahui persepsi masyarakat tentang kesitimewaan Pura Tanjung Sabtu.
- iii. Mengenalpasti potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan.

1.5 Persoalan Kajian

- i. Apakah sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu?
- ii. Bagaimanakah persepsi masyarakat tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu?
- iii. Apakah potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan?

1.6 Kepentingan Kajian

Harapan untuk hasil daripada kajian ini adalah, pengkaji dapat memberi sumbangan yang bernilai dan dapat dimanfaatkan oleh pelbagai pihak. Perkara ini juga dapat membantu pengkaji untuk menyelesaikan permasalahan yang terdapat di dalam kajian ini. Antara kepentingan yang pengkaji ingin capai adalah:

1.1.6 Individu

Melalui kajian ini, sejarah, kepentingan dan keistimewaan Pura Tanjung Sabtu akan dirungkaikan. Oleh itu, individu-individu ini akan mempunyai tahap kesedaran tentang kepentingan bangunan warisan pada tahap yang lebih tinggi. Selain itu, kajian ini juga memainkan peranan penting kepada individu yang memerlukan maklumat yang lebih terperinci tentang Pura Tanjung Sabtu sekaligus dapat memberikan impak yang positif kepada individu yang menjalankan kajian tentang tajuk ini. Hal ini dikatakan demikian kerana, individu tersebut akan terdedah dengan maklumat yang lebih mendalam tentang bangunan-bangunan warisan yang ada di Terengganu khususnya Pura Tanjung Sabtu.

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini juga adalah dalam usaha untuk mewujudkan tahap kesedaran masyarakat terhadap bangunan-bangunan warisan yang ada di sekeliling mereka khususnya Pura Tanjung Sabtu yang telah terbiar dan tiada pihak yang mengambil tanggungjawab terhadap pemeliharaan dan pemuliharaannya. Seandainya kepentingan warisan Pura Tanjung Sabtu ini dapat diketengahkan, kemungkinan ianya akan memberikan impak yang positif kepada pemuliharaan warisan seni binanya sekaligus dapat membuka mata masyarakat untuk lebih menghargai warisan negara teutamanya di negeri Terengganu.

1.6.3 Sektor Pelancongan

Keunikan yang ada pada struktur bangunan Pura Tanjung Sabtu yang berasal dari zaman kesultanan silam Terengganu dilihat mampu untuk menarik minat pelancong. Hal ini bukan sahaja dapat menarik minat pelancong dari dalam negara malah dari luar negara juga kerana perbezaan struktur binaan dan reka bentuk yang ada di negara mereka. Diharapkan agar dengan adanya kajian ini, Pura Tanjung Sabtu mampu dihidupkan kembali dan menjadi salah satu destinasi pelancongan yang paling ingin dikunjungi oleh pelancong.

1.7 Skop Kajian

Kajian ini akan tertumpu kepada bangunan Pura Tanjung Sabtu sahaja. Lokasi peninggalan ini adalah di Kampung Tanjung Sabtu, Manir, Kuala Terengganu. Berdasarkan portal akhbar Sinar Harian, Pura Tanjung Sabtu sebelum ini pernah dijadikan tempat penginapan untuk pelancong yang datang ke Terengganu dan juga tempat menghasilkan songket pada salah sebuah rumah yang ada di Pura Tanjung Sabtu (Portal Akhbar Sinar Harian, 2020) Selain itu, responden yang akan digunakan juga akan lebih tertumpu kepada penduduk di Terengganu dan khususnya penduduk di Kampung Tanjung Sabtu.

Selain itu, dalam bab ini, pengkaji akan menerangkan sejarah yang ada pada Pura Tanjung Sabtu. Seperti yang pernah dinyatakan oleh MPKK Tanjung Sabtu, Md Fauzi Mustaffa melalui akhbar Sinar Harian, tujuh buah rumah yang ada di Pura Tanjung Sabtu sekarang diambil dan dibeli oleh pemiliknya iaitu Allahyarham Tengku Ismail Tengku Su dari lokasi yang berlainan. Nama-nama setiap rumah tersebut juga dinamakan sendiri oleh pemiliknya mengikut lokasi ianya diambil dan dibeli.

Seterusnya, bab ini juga akan mengkaji punca Pura Tanjung Sabtu tidak diberikan penjagaan yang berkala. Seperti yang sedia maklum, Pura Tanjung Sabtu telah dibiarkan tanpa pengawasan dalam jangka masa yang lama dan telah ditumbuhi semak samun di sekelilingnya. Oleh itu, adakah

penduduk berdekatan terutamanya golongan muda sedar atau tahu akan kewujudan peninggalan warisan ini.

Dalam bab ini juga, pengkaji akan menerangkan kepentingan-kepentingan yang terdapat pada Pura Tanjung Sabtu. Kepentingan-kepentingan yang ada ini mungkin dapat dijadikan sebagai contoh untuk usaha memulihara dan memelihara Pura Tanjung Sabtu. Pengkaji berharap ianya dapat memberikan nafas baru untuk masa depan Pura Tanjung Sabtu.

Kesimpulannya, pengkaji dapat lihat Pura Tanjung Sabtu telah dibiarkan tanpa pengawasan dalam jangka masa yang lama. Disebabkan oleh kematian satu-satunya pemilik Pura Tanjung Sabtu. Pura Tanjung Sabtu mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan. Oleh itu, pengkaji akan menumpukan kepada sejarah, keistimewaan dan kepentingan yang ada pada peninggalan ini.



Rajah 1.2 : Pura Tanjung Sabtu, Terengganu

(Sumber : <https://www.libur.com.my/sayangnya-pura-tanjung-sabtu-warisan-kesultanan-melayu-zaman-silam-terengganu-dibiar-usang/>)

1.8 Batasan Kajian

Batasan kajian bertujuan untuk menghadkan bidang kajian supaya tidak terlalu luas. Untuk kajian ini, pengkaji semestinya tidak mampu untuk mengkaji tajuk kajian ini dalam skala yang besar. Oleh itu, kajian yang dilaksanakan berdasarkan tahap pengetahuan komuniti di Kampung Tanjung Sabtu tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu sememangnya mempunyai batasan dalam usaha untuk mendapatkan maklumat untuk mencapai objektif kajian yang dibuat.

Dalam batasan kajian ini, pengkaji telah menetapkan untuk menumpukan kajian ini kepada Pura Tanjung Sabtu di Kampung Tanjung Sabtu, Manir, Kuala Terengganu. Seterusnya, responden bagi kajian ini juga tertumpu kepada penduduk di Terengganu terutamanya penduduk di Kampung Tanjung Sabtu, Manir. Selain itu, isu-isu yang akan dikaji bagi kajian ini adalah mengetahui sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu, mengkaji punca Pura Tanjung Sabtu tidak diberikan penjagaan yang berkala dan mengenalpasti kesan usaha pemuliharaan ke atas Pura Tanjung Sabtu kepada komuniti setempat.

1.9 Definisi Terminologi

Menurut Puteri Roslina, A.W (2005), terminologi secara asasnya berhubung dengan nama dan proses penamaan. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, terminologi juga boleh didefinisikan tentang istilah atau kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang (ilmu).

1.9.1 Komuniti

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, komuniti boleh dimaksudkan dengan kumpulan orang yang tinggal di sesuatu daerah atau negara, masyarakat (di sesuatu tempat atau negara) dan orang ramai umumnya.

1.9.2 Seni Bina

Maksud seni bina boleh dikategorikan kepada 2 iaitu seni dan bina. Pada mulanya, seni merupakan perkataan Latin yang memfokuskan kepada kerja tangan atau ukiran. Pengertian ini

digunapakai secara meluas pada abad pertengahan yang berkaitan dengan kerja tangan atau aktiviti teknikal dan ukiran khususnya (Lois Lamy al-Faruqi, 1984). Seterusnya, menurut Kamus Dewan, bina ialah seni atau ilmu yang merancang, membentuk dan membina bangunan.

1.9.3 Keistimewaan

Keistimewaan atau kata sinonimnya khusus dan tertentu didefinisikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat sebagai hal-hal yang istimewa, kelebihan atau keutamaan.

1.9.4 Warisan

Menurut Jabatan Warisan Negara, warisan boleh didefinisikan sebagai sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Manakala Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan warisan sebagai harta peninggalan, harta pusaka, sesuatu yang diwarisi, peninggalan atau sesuatu yang turun-temurun.

1.10 Penutup

Kesimpulannya, tujuan kajian penyelidikan ini dilaksanakan adalah kerana, pengkaji ingin mengetahui 'Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu'. Kajian ini akan dilaksanakan dengan menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif bagi mendapatkan hasil yang tepat. Objektif kajian yang digunakan oleh pengkaji adalah mengetahui sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu, mengetahui persepsi masyarakat tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu dan mengenalpasti potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan. Selain itu, bagi skop kajian, pengkaji cuma memfokuskan kepada bangunan Pura Tanjung Sabtu sahaja. Seterusnya, batasan kajian bagi kajian ini adalah pengkaji telah menetapkan untuk menumpukan kajian ini kepada Pura Tanjung Sabtu di Kampung Tanjung Sabtu, Manir, Kuala Terengganu. Seterusnya, responden bagi kajian ini juga tertumpu kepada penduduk di Terengganu terutamanya penduduk di Kampung Tanjung Sabtu, Manir.

Secara tidak langsung, pengkaji melihat kajian ini dapat memberikan manfaat kepada ramai pihak tentang pentingnya penjagaan tapak dan bangunan warisan demi melindungi sejarah kewujudan

negara dan fungsi bangunan-bangunan warisan kepada negara. Usaha untuk melindungi bangunan-bangunan warisan daripada ditelan arus permodenan perlulah diusahakan oleh pelbagai pihak bukannya pihak kerajaan sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap pihak mempunyai peranan masing-masing bagi mengekalkan bangunan warisan yang ada di Malaysia demi tatapan generasi yang akan datang.



BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian memainkan peranan penting di dalam sebuah kajian yang melibatkan sejarah. Sorotan kajian dapat memberikan gambaran kepada pengkaji tentang latar belakang kajian yang ingin dikaji. Sorotan kajian ialah rujukan secara kritikal dan sistematik mengenai maklumat terpilih yang terdapat dalam kepustakaan atau literatur berkenaan topik atau fokus soalan kajian penyelidik. Sorotan itu perlu menghurai, meringkas, menganalisis, mensintesis, menilai dan menjelaskan kepustakaan yang dipilih (Bryman & Bell 2003; Creswell 2005).

2.2 Bangunan Warisan di Malaysia

Berdasarkan kajian 'Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia' yang dikaji oleh Prof. Madya. Dr. Zainal Abidin Akasah, beliau telah menekankan bahawa setiap individu di dalam masyarakat mempunyai tanggungjawab untuk memulihara bangunan warisan dan bukannya dilepaskan kepada pihak kerajaan sahaja. Menurut Syed Zainol Abidin Idid' (1995), jika dilihat pada hasil kajian inventori bangunan-bangunan warisan Malaysia yang telah dibuat oleh Muzium Negara pada tahun 1992, jumlah bangunan sebelum perang yang ada di 265 buah bandar yang dikaji

dan wajar di pulihara ialah lebih kurang 35 000. Namun demikian, sebahagian besar daripada bangunan warisan ini tidak dipulihara dan ada daripadanya berada dalam keadaan yang sangat buruk disebabkan oleh faktor kerosakan bangunan (A. Ghafar Ahmad, 2009). Menurut Hamilton & Zuraini Md. Ali (2002), lebih parah lagi ada di antara bangunan warisan yang disenaraikan sedang diancam kemusnahan kerana diabaikan oleh pemilik asal serta kurangnya keprihatinan masyarakat dalam usaha untuk memulihara bangunan warisan. Bangunan warisan yang ada amat penting untuk dipulihara. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan warisan yang dibiarkan tanpa mempunyai usaha pemuliharaan bimbang akan lenyap ditelan zaman (Hobson, 2004; Ashurst, 2006).

Kajian ini difokuskan kepada usaha pemuliharaan yang terdapat di Malaysia yang terbahagi kepada dua iaitu kepentingan pemuliharaan bangunan bersejarah dan masalah-masalah yang dihadapi dalam kerja-kerja pemuliharaan. Bangunan warisan wajib dikekalkan untuk tatapan dan pengetahuan sejarah generasi yang akan datang. Antara kepentingan pemuliharaan bangunan bersejarah berdasarkan kajian ini ialah nilai seni bina dan sejarah dan nilai warisan. Bangunan-bangunan bersejarah termasuk rumah-rumah tradisional Melayu yang diperbuat daripada kayu mempunyai ciri-ciri reka bentuk yang unik. Nilai seni ukir yang tinggi dan berkualiti pada rumah-rumah tradisional Melayu boleh dilihat di beberapa kawasan di Melaka, Perak, Terengganu, Selangor dan Kelantan. Kesenambungan warisan negara juga dapat dikekalkan jika generasi muda mencari cara untuk mendalami ilmu daripada tukang-tukang rumah dan pengukir kayu (A. Ghafar Ahmad, 2010). Powell (1994) menyatakan bangunan-bangunan warisan mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri dari segi gaya seni bina. Sebagai contoh di Malaysia sendiri, di mana bangunan-bangunan warisan yang masih teguh sehingga hari ini kebanyakannya terdiri daripada bangunan-bangunan zaman penjajahan

Inggeris ataupun zaman kolonial. Dari segi sejarah dan nilai warisan pula, Powell (1994) berpendapat pengekalan bangunan dan kawasan bersejarah dapat dijadikan sebagai bahan bukti sejarah dan bahan-bahan ini amat berharga untuk tatapan generasi akan datang. A.Ghafar Ahamad (2010) pula menyatakan bangunan lama dapat dijadikan sebagai bukti kepada sesuatu era atau peristiwa bersejarah.

Akhir sekali, antara masalah yang dihadapi dalam menjalankan kerja-kerja pemuliharaan di Malaysia adalah kegiatan vandalisme dan kekurangan pakar. Maksud dalam kekurangan pakar disini ialah Malaysia masih lagi kekurangan pakar teknikal dan pekerja mahir untuk menjalankan kerja-kerja pemuliharaan.

2.3 Nilai Senibina dalam Industri Pelancongan

Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Noraslinda Abdul Rahman, Rosmiza Wira dan Noraliza Kamarulzaman yang bertajuk Nilai Senibinan dalam Industri Pelancongan menyatakan senibina adalah gabungan seni yang dibina dan terbentuklah ia secara fizikal yang memainkan peranan penting dalam pelancongan. Menurut Edwards, Griffin dan Hayllar (2008) dan Edwards dan Foley (2016) elemen-elemen senibina seperti monumen, bangunan, taman, arca dan landskap menyumbang kepada identiti sebuah tempat dan juga menjadi faktor penting untuk tarikan industri pelancongan. Bentuk fizikal seperti yang ditakrifkan oleh senibina merujuk kepada ruang yang mempunyai nilai estetika dan mampu untuk membantu menarik minat orang ramai untuk mengenali dengan lebih dekat mengenai sejarah dan fizikal senibina yang ada. Seterusnya, diseluruh dunia, senibina sentiasa mempunyai pengaruh yang kuat dalam pelancongan. Menurut Scerri, Edwards dan Foley (2016), sesebuah binaan bangunan boleh menjadikan sesebuah tempat mudah dikenali dan diingati.

Objektif utama kajian ini adalah untuk menganalisis nilai senibina Johor dalam membentuk imej dan rasa tempat (*sense of place*) yang mempengaruhi pengalaman untuk meningkatkan motivasi pelancong di Malaysia khususnya di Bandaraya Johor Bahru. Berdasarkan kajian ini, 99% responden yang antaranya terdiri daripada pihak berkepentingan dalam industri pelancongan di Johor Bahru iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar dan peniaga sekitar Bandaraya Johor Bahru bersetuju bahawa nilai senibina adalah penting sebagai imej pelancongan dan memberi impak kepada pembangunan ekonomi, persekitaran dan sosial. Hasil kajian menunjukkan 96% arkitek, 74% perancang, 64% arkitek landskap dan 71% pelancong bersetuju bahawa seni bina deretan kedai lama di tengah-tengah Bandaraya Johor Bahru hendaklah dipelihara dan dipulihara kerana ianya mempunyai nilai yang sangat tinggi serta berpotensi untuk dibangunkan sebagai kawasan tarikan pelancong.

Kesimpulannya, jelaslah bahawa senibina bangunan warisan ini mampu untuk menarik minat pelancong. Nilai senibina dalam industri pelancongan memainkan peranan penting diikuti dengan kepelbagaian aktiviti dan ruang yang disediakan termasuklah keselamatan, kebolehsampaian, fasiliti dan infrastruktur hendaklah memenuhi piawaian yang memberi keselesaan kepada pelancong.

2.4 Peranan Bangunan Bersejarah dalam Membentuk Jati Diri Masyarakat

Berdasarkan kajian hasil tulisan Daeng Haliza Daeng Jamal, Zuliskandar Ramli dan Mastor Surat (2016), bangunan bersejarah yang penuh nilai warisan dan tinggi nilai estetikanya harus dikekalkan sebagai sumber penceritaan sejarah yang efektif bagi generasi akan datang. Menurut Mohd. Khairudin (2002) dan A.Ghafar (2010), kajian ke atas bangunan bersejarah secara tidak langsung didapati mampu mencetuskan semangat nasionalisme yang tinggi dalam diri setiap individu. Dalam pengertian lain, semangat cintakan negara lahir daripada tersematnya jati diri yang utuh dalam sesebuah bangsa memandangkan budaya dan

bangsa adalah saling berkaitan. Pengekalan bangunan bersejarah dapat memberi kesan psikologi positif atau membangkitkan nostalgia kepada orang ramai terhadap peristiwa bersejarah yang sekaligus dapat menanam rasa cinta kepada negara dan bangsa (Mohd Khairudin, 2002).

Kesedaran terhadap nilai bangunan bersejarah ini mampu mendorong ke arah membentuk jati diri dalam kalangan masyarakat. Abdullah Hassan (2009) juga pernah menyatakan perbincangan mengenai jati diri individu sering kali dikaitkan dengan jati diri bangsa. Jati diri bangsa boleh didefinisikan sebagai sikap cintakan kelompoknya dan negara yang lahir semulajadi tanpa dipaksa yang akhirnya menjadi citra identiti kepada bangsanya (Abdullah Hassan, 2009). Hasil daripada kajian ini, melibatkan responden yang terdiri daripada penduduk tempatan Kuala Kangsar dan daripada pelbagai lapisan masyarakat, agama dan umur menunjukkan majoriti responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap pemuliharaan dan penyesuaigunaan semula bangunan warisan di Perak.

Kesimpulannya, pengkaji menyatakan, selain memberikan iktibar kebudayaan yang diwariskan generasi terdahulu akan mengingatkan generasi kini tentang sejarah penjajahan dan mampu untuk meningkatkan semangat patriotisme. Kesedaran masyarakat tentang kepentingan bangunan bersejarah mampu untuk mengekalkan bangunan tersebut dalam jangka masa yang lama. Namun begitu, penglibatan daripada komuniti setempat diperlukan dalam usaha ini kerana komuniti setempat ini merupakan golongan yang berpengaruh dalam mempertahankan khazanah negara.

2.5 Amalan Baik Senggaraan Bangunan Warisan di Malaysia

Menurut Robiah Abdul Rashid (2011) tinjauan awalan terhadap pendekatan penyenggaraan bangunan warisan di Malaysia masih berada di tahap sederhana dan memerlukan penambahbaikan berterusan. Perkara ini dilihat berpunca daripada penggunaan

amalan penyenggaraan reaktif dan tidak terancang secara berleluasa. Selain itu, faktor penyumbang utama kepada amalan sedemikian adalah disebabkan oleh kurang kefahaman terhadap kepentingan penyenggaraan bangunan warisan.

Di dalam kajian Amalan Baik Senggaraan Bangunan Warisan di Malaysia oleh Robiah Abdul Rashid, menetapkan matlamat utama penyelidikan adalah untuk membentuk satu panduan amalan baik penyenggaraan bangunan warisan di Malaysia. Kajian ini dapat membantu meningkatkan kefahaman dan memudah cara kepada pengurusan penyenggaraan bangunan warisan yang lebih berkesan. Pengkaji telah mengambilkira beberapa aspek amalan penyenggaraan termasuklah pendekatan penyenggaraan setiap organisasi, keperluan terhadap inventori dan rekod, kaedah pemeriksaan dan tahap kepentingan kerja, keperluan terhadap program dan rangka kerja dan keperluan kepada kakitangan dan latihan yang bersesuaian.

Keadaan dan kualiti bangunan adalah komponen dasar yang utama bagi menikmati kehidupan yang berkualiti. Keadaan dan kualiti bangunan mampu menggambarkan imej sesebuah masyarakat, tahap kehidupan dan sikap perlakuan sama ada pada masa lalu mahupun masa kini yang mana telah bergabung bagi membentuk suatu karakter masyarakat yang unik (Wordsworth, 2011 ; Fielden, 2003). Apabila William Morris memperkenalkan sebuah persatuan yang dikenali sebagai Society for Protection of Ancient Buildings (SPAB) pada tahun 1877 bagi melindungi bangunan purba, penyenggaraan telah pun dikenalpasti sebagai kaedah utama dalam melindungi binaan warisan (SPAB, 2008). Hal ini dikatakan demikian kerana penyenggaraan merupakan faktor utama bagi memanjangkan jangka hayat kegunaan sesebuah bangunan. Usaha yang padu haruslah dilakukan bagi mengoptimalkan kegunaan sesebuah bangunan dan perkhidmatan dalam tempoh hayatnya dan juga bagi memanjangkan tempoh penggunaannya melalui penjagaan yang teratur (Arditi dan Nawakorawit, 1999; Hamilton dan Wan Salleh, 2001). Bangunan memerlukan pengurusan yang sistematik dan penyenggaraan yang berterusan, jika tidak bangunan akan menjadi usang

dan tidak boleh diduduki lagi (Ahmad, 2002; Fielden, 2003). Oleh itu, penyenggaraan bangunan dan sistem perkhidmatan adalah suatu aktiviti yang penting dan harus dilakukan secara berterusan bagi mengelak dan meningkatkan pelaburan sesebuah organisasi (Ahmad, 2002; Wood, 2005; Maintainourheritage, 2007).

2.6 Pengaruh Senibina Melayu di Malaysia

Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun (2005), di dalam kajiannya yang bertajuk 'Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina di Malaysia' menyatakan seni bina di Malaysia mempunyai perkembangan sejarah yang tersendiri dan dipengaruhi oleh beberapa faktor. Seni bina awal di Malaysia yang masih kekal dan dapat dilawati pada masa kini adalah di Lembah Bujang, Kedah. Hal ini dikatakan demikian kerana, di Tanah Melayu, perkembangan tamadun dan petempatan awal telah bermula pada awal abad pertama masihi. Kerajaan Melayu Tua seperti Kataha telah wujud di asia tenggara seperti Kambodia, Vietnam, Selatan Thailand sehingga ke Tanah Melayu. Kataha yang mempunyai pusat kerajaan di Lembah Bujang dikatakan telah wujud sejak abad ke-6 hingga ke-13. Sejak itu, Kataha atau lebih dikenali sebagai Kedah Tua telah berkembang menjadi pelabuhan dan pusat kegiatan agama Buddha dan Hindu. Kepandaian masyarakat Kedah Tua dalam membina bangunan dibuktikan dengan penemuan candi dan artifak yang berunsurkan Hindu-Buddha. Penemuan candi di Lembah Bujang adalah penemuan yang penting kerana ianya dapat membuktikan seni bina terawal telah wujud di Malaysia.

Selain itu, seni bina yang berunsurkan Melayu juga telah lama wujud di Malaysia. Setelah pengaruh Hindu beransur tenggelam, kedatangan agama Islam dan perkembangannya di kepulauan Melayu telah memberi impak yang besar kepada corak hidup dan budaya masyarakat ketika itu. Teknologi binaan yang ringkas dan menggunakan bahan-bahan yang mudah diperolehi dari alam semulajadi merupakan ciri penting seni bina Melayu. Kebiasaannya, kayu akan digunakan untuk membina struktur utama seperti tiang, lantai dan

dinding. Rumah Melayu juga biasanya tidak menggunakan paku tetapi hanya dipasak dengan kayu. Selain itu, seni bina rumah Melayu juga bermotifkan ukiran dan bentuk binaan yang pelbagai berdasarkan pengaruh negeri-negeri Melayu dan juga pengaruh Nusantara seperti Indonesia dan Selatan Thailand. Selain mempunyai bentuk dan teknologi binaan yang unik, seni bina Melayu juga berfungsi untuk menunjukkan budaya, tamadun dan falsafah hidup sesebuah bangsa. Setiap binaan dan bentuk yang dibina mempunyai sebab dan maksudnya yang tersendiri (Dr. Siti Norlizaiha Harun, 2005).

2.7 Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu

Kesedaran dan keprihatinan masyarakat Melayu terhadap warisan rumah tradisional Melayu kini amat penting. Ianya penting untuk pengetahuan generasi kini sebagai bukti kecintaan warisan tradisi sejak dahulu. Kepentingan menjaga hak milik individu atau kelompok secara warisan perlu diberi perhatian wajar. Ini penting untuk menimbulkan rasa cinta dan teruja terhadap khazanah warisan bangsa Melayu itu sendiri maka ini akan mewujudkan kesedaran memulihara dan menyelenggara warisan untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

Kajian oleh Mohamad Sohaimi Man yang bertajuk Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu memfokuskan kepada rumah-rumah tradisi lama yang masih wujud dan dimiliki oleh sesebuah masyarakat setempat. Generasi kini yang sedang membangun bersama arus pembangunan moden perlu didedahkan kepentingan warisan tradisi yang mempunyai nilai dan boleh dihargai sehingga kini. Hal ini kerana, menurut A.Ghafar Ahmad (2007), antara warisan kebudayaan yang perlu dipelihara adalah bangunan yang mempunyai nilai sejarah, seni bina dan budaya yang tinggi. Secara prinsipnya, bangunan dipulihara melalui kerja pembaikan dan pengubahsuaian tanpa merosakkan struktur asal atau merubah keaslian bangunan.

2.8 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian mempunyai peranan penting dalam sebuah penyelidikan. Sorotan kajian juga mampu menjadi penanda aras bagi kajian yang akan dijalankan. Hal ini kerana, pengkaji dapat melihat skop kajian, metodologi kajian dan dapatan daripada kajian lepas dengan lebih tepat. Bukan itu sahaja, pengkaji juga dapat menambahkan maklumat ke dalam kajian yang bakal dijalankan. Sorotan kajian ini dapat dijadikan sebagai pengumpul maklumat tentang permasalahan kajian yang akan dikaji. Oleh itu, pengkaji akan lebih jelas tentang kajian yang akan dikaji kerana bahagian ini akan mendedahkan pengkaji tentang kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji lepas dan bahagian ini juga mampu membantu pengkaji untuk mengembangkan idea untuk permasalahan yang berlaku ke atas kajian.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.1 Pengenalan

Metodologi memainkan peranan penting untuk memastikan kajian yang dijalankan teratur bagi mendapatkan data-data yang diperlukan. Metodologi akan menerangkan cara, kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh pengakaji untuk mencapai objektif kajian. Kajian ini dibuat adalah untuk mengetahui persepsi komuniti di Kampung Tanjung Sabtu terhadap keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Rekabentuk kajian adalah penting untuk sesebuah kajian sebagai panduan untuk memastikan objektif kajian tercapai dan mampu untuk menjawab persoalan kajian. Bagi mencapai objektif, sumber primer dan sumber sekunder merupakan dua sumber utama yang digunakan pengkaji untuk kaedah pengumpulan data. Sumber primer adalah penemuan baru penyelidikan asli, boleh diterbitkan dan merupakan maklumat asal (Syed Ismail, 2010). Dalam kata lain, sumber primer adalah maklumat yang diperolehi dari sumber yang sah dan tiada unsur tokok tambah. Manakala menurut Zahari Rusdi, 2009, data sekunder adalah sumber kedua yang terdiri daripada bahan yang dikaji melalui pembacaan bahan yang bertulis yang ditulis dan ditafsir oleh sejarawan.


Antara contoh sumber primer adalah jurnal, manuskrip, buku dan sebagainya. Manakala contoh sumber sekunder pula diperoleh melalui bahan atau dokumen yang dikaji melalui pembacaan bahan bertulis. Bagi menjalankan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa kaedah metodologi. Kaedah tersebut adalah seperti dinyatakan pada Rajah 3.1:



Rajah 3.1 : Carta Alir Metodologi Kajian

Carta aliran kaedah kajian (Rajah 3.2) juga adalah bahagian penting untuk memudahkan kerja pengkaji. Carta aliran ini berfungsi sebagai panduan dan rujukan bagi keseluruhan kajian yang akan dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui carta

alir ini, pengkaji akan mendapatkan gambaran awal kajian sebelum memulakan kerja mengikut susun atur carta tersebut. Bagi mendapatkan sumber maklumat yang mencukupi dan tepat, pengkaji perlu menggunakan keseluruhan kaedah yang telah disenaraikan di dalam carta aliran kaedah kajian. Pada bahagian ini, terdapat tiga perkara yang perlu di ikuti sebelum memulakan kajian iaitu sebelum kajian dijalankan, semasa kajian dijalankan dan selepas kajian dijalankan.



3.2.1 Data Sekunder

Kunjungan ke Perpustakaan Negeri Terengganu telah dijalankan. Tujuan kunjungan ini adalah untuk mendapatkan pengenalan lebih awal tentang kajian yang dijalankan dan mendapatkan maklumat dan dapatan yang relevan sebanyak mungkin. Bahan rujukan tersebut termasuklah tesis, jurnal, artikel, buku rujukan, teks kajian lepas dan bahan penulisan yang berkaitan. Data jenis sekunder ini memainkan peranan penting untuk menambahkan maklumat sebelum kaedah pemerhatian dijalankan. Maklumat yang diperoleh melalui kaedah ini akan digunakan dalam penulisan kajian.

3.2.2 Kajian Lapangan

Kaedah yang memainkan peranan penting adalah lawatan secara langsung atau dikenali sebagai pemerhatian ikut serta ke tapak lapangan. Menurut Cotingham (2002), Pemerhatian adalah salah satu proses kegiatan pemetaan yang berperanan dalam memahami ilmu sains kebumihan ataupun lingkungan. Pengkaji akan menekankan tentang huraian terperinci tentang situasi, interaksi serta kerja lapangan yang dijalankan. Pengkaji akan mengunjungi ke Pura Tanjung Sabtu sendiri untuk melihat keadaan di kawasan itu sendiri. Semasa di sana, pengkaji akan merekodkan data-data yang diperlukan melalui gambar, rakaman dan catatan. Rekod-rekod ini juga boleh digunakan oleh pengkaji untuk laporan projek penyelidikan.

3.2.3 Temubual

Bagi mendapatkan maklumat berkaitan objektif kajian daripada responden, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual. Pengkaji akan menggunakan jenis temubual stimulasi dan semi-struktur. Temubual stimulasi adalah secara spontan, lebih santai dan bersifat terbuka berkaitan kajian yang ingin dijalankan. Manakala temubual semi-struktur pula adalah

soalan-soalan yang berkaitan dengan objektif yang ingin dicapai. Kaedah temubual ini digunakan adalah untuk mengetahui persepsi komuniti setempat tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu.

3.2.4 Catatan

Maklumat-maklumat yang diperolehi pengkaji melalui kaedah temubual dan pemerhatian akan direkodkan keseluruhannya ke dalam buku nota. Kaedah ini membantu pengkaji untuk menyimpan maklumat secara langsung. Melalui kaedah catatan, pengkaji dapat melakukan pendokumentasian dan menganalisis data dengan tepat dan teratur.

3.2.5 Rakaman Foto

Pengkaji akan mengambil foto-foto yang berkaitan dengan kajian di kawasan kajian. Foto-foto ini mampu menguatkan lagi kesahihan maklumat-maklumat yang dicatat melalui temubual dan pemerhatian. Kaedah ini juga digunakan adalah sebagai langkah berjaga-jaga sekiranya terdapat masalah seperti kehilangan maklumat yang bertulis.

3.2.6 Penelitian Dokumen dan Laporan Penulisan

kaedah penelitian dokumen akan dijalankan oleh pengkaji setelah mendapatkan kesemua sumber maklumat dan data yang lengkap melalui kaedah metodologi yang dipilih. Melalui penelitian dokumen, ianya dapat mengumpulkan data kualitatif dalam membekalkan informasi untuk menjawab soalan kajian. Melalui kaedah ini, pengkaji dapat melihat samaada kajian ini menjawab permasalahan kajian yang ada dan mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan. Seterusnya, laporan penulisan akan dibuat merangkumi semua maklumat dan data yang telah diperolehi.

3.3 Instrumen Kajian

Instrumen kajian merupakan salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji. Fungsi instrumen kajian adalah digunakan sebagai asas bagi memperoleh data seperti mana yang dikehendaki oleh pengkaji untuk mencapai objektif kajian. Tujuan utama penggunaan kaedah ini adalah supaya memudahkan pengkaji bagi mendapatkan data untuk memastikan objektif kajian yang telah ditetapkan dapat dicapai dan berjalan lancar.

3.4 Prosedur Pungutan Data

Sebelum proses mendapatkan data melalui kajian lapangan dimulakan, pengkaji telah mendapatkan surat kebenaran daripada fakulti untuk menjalankan kajian. Seterusnya, pengkaji mendapatkan rujukan buku dan kajian lepas daripada perpustakaan dan pensyarah daripada elektif Konservasi Warisan. Selain itu, sebelum apa-apa temubual atau rakaman foto dilakukan semasa kajian lapangan, responden yang terlibat akan diberitahu secara lisan untuk mendapatkan persetujuan atau keizinan daripada pihak mereka. Responden juga bebas untuk memilih tarikh atau tempat untuk ditemubual dengan syarat tidak ada sebarang gangguan semasa ditemubual atau pertindihan masa dengan aktiviti lain responden. Pengkaji juga meyakinkan responden kajian ini bukan sahaja untuk mengetahui persepsi komuniti tentang Pura Tanjung Sabtu sahaja malah ianya mampu untuk memberikan manfaat kepada penduduk setempat.

3.5 Kaedah Analisis Data

Corbin dan Strauss (2008) menyatakan analisis data bukan setakat merekod dan membentuk tema-tema untuk data yang dipungut, *“It involves interacting with data (analysis) using techniques such as asking questions about the data, and so on, making comparisons between data, and in doing so, deriving concepts to stand for those data, then developing those concepts in terms of their properties and dimensions”*. Manakala menurut Merriam

(1998) pengumpulan data dan penganalisisan merupakan satu aktiviti yang dijalankan serentak dalam kajian kualitatif. Analisis bermula pada temu bual pertama, pemerhatian pertama dan pembacaan dokumen pertama. Merriam (1998) menerangkan seterusnya bahawa mengurus dan menapis data sebaik sahaja selepas pengumpulan data juga amat penting. Ini akan membantu pengkaji menyediakan soalan untuk ditanya atau pemerhatian seterusnya.

| No. | Objektif Kajian | Rekabentuk Kajian |
|-----|---|-------------------|
| 1. | Mengetahui sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu | Temubual |
| 2. | Mengetahui persepsi masyarakat tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu | Temubual |
| 3. | Mengenalpasti potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan | Temubual |

Jadual 3.1 : Rekabentuk Kajian

Pengkaji akan menggunakan kaedah rekabentuk kajian seperti yang ditunjukkan didalam Jadual 3.1 untuk mencapai objektif kajian penyelidikan ini. Bagi mencapai objektif pertama, pengkaji akan menggunakan kaedah temubual bagi mengetahui sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu. Selain itu, bagi objektif kajian yang kedua juga pengkaji akan menggunakan kaedah temubual bagi mengetahui persepsi masyarakat tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu. Akhir sekali, bagi mencapai objektif kajian yang ketiga iaitu mengenalpasti potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan juga pengkaji menggunakan kaedah temubual.

3.6 Penutup

Kesimpulannya, metodologi-metodologi yang dipilih oleh pengkaji telah membantu pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Melalui metodologi yang digunakan juga, pengkaji mampu untuk mendapatkan pelbagai sumber maklumat yang berilmiah dan tepat untuk menyelesaikan kajian yang dijalankan. Metodologi yang digunakan juga perlulah bersistematik agar maklumat yang diperolehi mampu disusun secara teratur. Oleh itu, jelaslah bahawa metodologi kajian yang bersesuaian amatlah penting untuk melaksanakan sesebuah kajian. Melalui metodologi juga pengkaji dapat membuat rumusan serta perbincangan yang akan diperjelaskan dengan lebih mendalam dalam bab berikutnya.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan memberikan fokus terhadap huraian yang dibincangkan secara terperinci mengenai analisis data yang telah dilaksanakan dan dapatan yang diperolehi melalui kajian yang dijalankan berdasarkan objektif kajian dan tajuk yang telah dibincangkan pada Bab 2. Bab ini memainkan peranan penting dalam sesebuah penyelidikan kerana ianya akan menjawab setiap permasalahan kajian dan objektif kajian yang pernah dinyatakan sebelum ini. Dapatan kajian ini merangkumi tiga objektif utama yang dinyatakan oleh pengkaji iaitu mengetahui dari sudut sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu, mengetahui persepsi masyarakat tentang keistimewaan Pura Tanjung Sabtu dan yang terakhir, mengenalpasti potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan. Bagi menjawab objektif kajian tersebut, sesi temubual telah dijalankan ke atas penduduk kampung Pura Tanjung Sabtu dan juga penduduk yang mendiami kampung berdekatan dengan kawasan kajian.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden boleh dimaksudkan dengan pihak-pihak yang dianggap dan dijadikan sebagai sampel dalam sesebuah penyelidikan. Di mana mereka akan menjawab soalan-soalan atau memberi maklumat yang diperlukan oleh pengkaji. Hasil daripada temubual yang dijalankan, pengkaji mendapati kesemua responden berada dalam lingkungan umur 21-60 tahun. Kepelbagaian umur dalam pengambilan responden ini adalah kerana pengkaji ingin mengetahui perspektif daripada pelbagai peringkat umur. Responden dipilih kerana mereka merupakan penduduk asal Kampung Tanjung Sabtu dan kampung-kampung yang berada berdekatan kampung tersebut. Jadual 4.2 dibawah menunjukkan pecahan nama, umur, tempat dan tarikh temubual di antara pengkaji dan responden.

| Bil | Nama Responden | Umur | Tarikh Temubual | Kod Responden |
|-----|-------------------------------|------|-----------------|---------------|
| 1. | Hishamliza Bin Zakaria | 47 | 20/11/2021 | A |
| 2. | Nor Anisah Noraizi Binti Aziz | 34 | 20/11/2021 | B |
| 3. | Nazihan Bin Harun | 41 | 20/11/2021 | C |
| 4. | Muhammad Ihsan Bin Ismail | 30 | 21/11/2021 | D |
| 5. | Muhammad Syauqi Bin Abu Bakar | 21 | 21/11/2021 | E |
| 6. | Ikmal Hakim Bin Mohd Amin | 23 | 24/11/2021 | F |
| 7. | Imran Arif Bin Mohd Amin | 21 | 24/11/2021 | G |

| | | | | |
|-----|-------------------------------|----|------------|---|
| 8. | Asmadi Bin Abdullah | 60 | 25/11/2021 | H |
| 9. | Nur Kamisah Binti Abdul Halim | 55 | 25/11/2021 | I |
| 10. | Fatimah Binti Musa | 45 | 25/11/2021 | J |

Jadual 4.2: Latarbelakang Responden Kajian

4.3 Sejarah Kewujudan Pura Tanjung Sabtu

Menurut Dr. Siti Norlizaiha Harun (2005) berdasarkan kajiannya yang bertajuk ‘Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina di Malaysia’ menyatakan seni bina yang berunsurkan Melayu telah lama wujud di Malaysia. Setelah pengaruh Hindu mula tenggelam, kedatangan agama Islam dan perkembangannya di Kepulauan Melayu telah memberi impak yang besar kepada corak hidup dan budaya masyarakat. Powell (1994) menyatakan bangunan-bangunan warisan mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri dari segi gaya seni bina. Sebagai contoh yang dapat dilihat di Malaysia sendiri di mana bangunan-bangunan warisan yang masih teguh sehingga hari ini kebanyakannya terdiri daripada bangunan-bangunan zaman penjajahan Inggeris ataupun zaman kolonial. Pura Tanjung Sabtu adalah satu peninggalan warisan kesultanan Melayu zaman silam di Terengganu (Portal akhbar Sinar Harian, 2020). Pura pada nama tersebut diambil daripada perkataan Sanskrit yang bermaksud istana, kuil atau bandar manakala Tanjung Sabtu diambil bersempena nama sebuah kampung yang ada di situ. Pura Tanjung Sabtu ini dikatakan pernah dijadikan sebagai penginapan yang dikenali sebagai ‘Royal Homestay’. Pura Tanjung Sabtu dikatakan dibina sekitar tahun 1990-an dan menjadi salah satu tempat yang terkenal

dan sering dikunjungi dalam kalangan pelancong. Namun begitu, kegemilangan tersebut hilang selepas kematian pemilik asal Pura Tanjung Sabtu iaitu Tengku Ismail pada tahun 2011. Hal ini terjadi disebabkan oleh tiadanya pewaris.

4.3.1 Makna Sejarah Kepada Masyarakat

Berdasarkan objektif kajian yang pertama, pengkaji telah menanyakan apakah makna sejarah pada responden. Melalui temubual tersebut, pengkaji telah mendapatkan pelbagai jawapan daripada responden. Pada pandangan responden H, beliau menyatakan sejarah adalah satu perantaraan antara perkara-perkara yang telah berlaku pada zaman dahulu yang dapat diwarisi dan dilihat oleh generasi sekarang. Seterusnya, apabila pengkaji melihat secara keseluruhan jawapan yang diperolehi melalui temubual ini, para responden berpendapat bahawa sejarah adalah satu peristiwa yang telah terjadi pada masa lalu yang mempunyai nilai-nilai tersendiri dan mempunyai fakta yang benar dan sahih (Kajian Lapangan, 2021).

4.3.2 Sejarah Disebalik Terbinanya Pura Tanjung Sabtu

Dari segi sejarah dan nilai warisan, Powell (1994) menyatakan pengekaln bangunan dan kawasan bersejarah dapat dijadikan sebagai bahan bukti sejarah dan bahan-bahan ini amat berharga untuk tatapan generasi akan datang. Bagunan lama juga dapat dijadikan sebagai bukti kepada sesuatu era atau peristiwa bersejarah (A.Ghafar Ahmad, 2010). Apabila ditanya tentang sejarah Pura Tanjung Sabtu, sebahagian daripada responden menyatakan terbinanya Pura Tanjung Sabtu ini adalah selepas Tengku Ismai Tengku Su tertarik dengan sebuah istana di Osaka, Jepun iaitu istana Nijo-jo. Setelah pembinaan Pura Tanjung Sabtu tersebut, Tengku Ismail Tengku Su mendapat ilham untuk menjadikan bangunan tersebut sebagai satu tempat penginapan untuk golongan VIP yang datang melawat ke Terengganu. Selain sebagai penginapan, Tengku Ismail Tengku Su juga menjadikan Pura Tanjung Sabtu

ini sebagai tempat untuk membuat songket. Namun begitu, dua daripada sepuluh orang responden menyatakan mereka kurang pasti dengan sejarah disebalik terbinanya Pura Tanjung Sabtu.



Rajah 4.1 Pura Tanjung Sabtu, Terengganu

(Sumber : Kajian Lapangan, 2021)

4.3.3 Pengetahuan Masyarakat Terhadap Kewujudan Pura Tanjung Sabtu

Seterusnya, pengkaji telah bertanya kepada para responden yang terdiri daripada Kampung Tanjung Sabtu dan kampung yang berada di sekitarnya tentang adakah mereka tahu akan kewujudan Pura Tanjung Sabtu ini. Jawapan yang diperoleh menunjukkan dua orang daripada sepuluh orang responden tidak tahu akan kewujudan peninggalan bersejarah ini. Perkara ini berlaku mungkin disebabkan beberapa faktor dimana Pura Tanjung Sabtu ini kurang dihebohkan kepada masyarakat luar. Hal ini boleh dilihat apabila penduduk kampung yang berdekatan kawasan itu juga ada yang tidak tahu akan kewujudan Pura Tanjung Sabtu. Hal ini jelas menunjukkan Pura Tanjung Sabtu kurang diuar-uarkan kepada masyarakat. Jika bangunan ini diketahui umum oleh banyak orang pasti akan ada usaha untuk memulihara

peninggalan warisan ini. Hal ini telah dinyatakan oleh Yuzana Muhammad (2019) bahawa dalam kalangan masyarakat, kesedaran tentang pemeliharaan dan pemuliharaan sudah ada namun begitu, kesedaran masyarakat tentang pentingnya memelihara dan menjaga peninggalan warisan masih berada di tahap yang rendah.

4.3.4 Pengasas Pura Tanjung Sabtu

Pemilik asal Pura Tanjung Sabtu ialah Allahyarham Tengku Ismail Tengku Su. Beliau merupakan salah seorang kerabat diraja Terengganu. Beliau pernah diberikan jolokan ‘Putera Songket’ kerana jasa-jasa beliau yang telah mengangkat martabat seni warisan songket. Beliau telah meninggal dunia di Hospital Royal Brompton, London akibat mengalami serangan jantung. Setelah kematian beliau, Pura Tanjung Sabtu tidak lagi berpenghuni. Seterusnya, apabila ditanya kepada para responden, mereka tahu siapa yang telah mengasaskan peninggalan warisan ini.

4.3.5 Fungsi Utama Pura Tanjung Sabtu Sebelum Dibiarkan Terbiar

Fungsi utama sebelum Pura Tanjung Sabtu dibiarkan tanpa pengawasan adalah sebagai tempat penginapan golongan VIP dan juga tempat untuk memproses songket di salah sebuah rumah di Pura Tanjung Sabtu kerana seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Tengku Ismail Tengku Su amat meminati songket sehingga diberi jolokan ‘Putera Songket’. Pengkaji melihat jika Pura Tanjung Sabtu ini dijaga dengan baik dan secara berkala, pastinya fungsi bangunan ini akan kekal seperti mana dahulu malah ianya dapat dikembangkan menjadi sesuatu yang dapat memberikan pendapatan kepada masyarakat setempat.

4.3.6 Faktor Pura Tanjung Sabtu Ditinggalkan Tanpa Pengawasan

Ada di antara bangunan warisan yang disenaraikan sedang diancam kemusnahan kerana diabaikan oleh pemilik asal serta kurangnya keprihatinan masyarakat dalam usaha untuk memulihara bangunan warisan (Hamilton & Zuraini Md. Ali, 2002). Perkara inilah

yang sedang berlaku pada Pura Tanjung Sabtu, dimana ianya dibiarkan tanpa pengawasan kerana tiadanya waris ataupun orang-orang yang bertanggungjawab menjalankan usaha untuk menjaga peninggalan ini. Tambahan pula Allahyarham Tengku Ismail Tengku Su juga tidak mempunyai waris.

4.3.7 Keistimewaan dan Kepentingan Yang Telah Disumbangkan Oleh Pura Tanjung Sabtu Kepada Komuniti Setempat

Peninggalan bangunan warisan telah banyak menyumbangkan kepentingan dalam pelbagai aspek. Bangunan-bangunan warisan mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri dari segi gaya seni bina (Powell, 1994). Berdasarkan temubual yang dijalankan, responden G berpendapat bahawa Pura Tanjung Sabtu ini mungkin dapat menaikkan ekonomi penduduk setempat dengan kedatangan pelancong luar. Beliau berkata, jika pihak yang bertanggungjawab melaksanakan usaha untuk memulihara bangunan ini, pasti ianya telah menjadi salah satu tarikan pelancong di Terengganu. Selain itu, menurut responden F, Pura Tanjung Sabtu ini merupakan satu peninggalan bangunan yang mempunyai rekabentuk asli orang Melayu yang dapat dijadikan tatapan generasi akan datang dan juga pelancong luar yang datang ke Terengganu. Seni bina Pura Tanjung Sabtu ini adalah berkonsepkan rumah Melayu yang terdiri daripada rumah-rumah yang berlainan yang dibeli atau diambil oleh Allahyarham Tengku Ismail di beberapa tempat yang berbeza. Nama rumah-rumah tersebut juga dinamakan bersempena tempat asal rumah-rumah tersebut diambil. Ada diantara rumah tersebut telah berusia antara 100 hingga 200 tahun. Seni bina rumah-rumah ini juga tidak menggunakan paku namun ianya berkonsepkan tanggam dan pasak sahaja.

4.4 Persepsi Masyarakat Tentang Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu

Pura Tanjung Sabtu ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri di dalam pelbagai aspek. Menurut Edwards, Griffin & Hayllar (2008) dan Edwards & Foley (2016) elemen-elemen seni bina seperti monumen, bangunan, taman, arca dan landskap menyumbang kepada identiti sebuah tempat dan juga menjadi faktor penting untuk tarikan industri pelancongan.

4.4.1 Nilai Bangunan Pura Tanjung Sabtu Kepada Masyarakat

Menurut responden I, bangunan warisan ini mempunyai nilai yang sangat tinggi kepada beliau. Hal ini dikatakan demikian kerana, bangunan ini adalah peninggalan warisan yang unik di Terengganu dan mempunyai nilai estetika dan sejarah rekabentuk rumah Melayu yang sukar ditemui pada masa sekarang. Selain itu, menurut beliau lagi, keistimewaan Pura Tanjung Sabtu semestinya dari segi rekabentuk dan sejarah wujudnya Pura Tanjung Sabtu ini yang terinspirasi daripada sebuah istana di Jepun. Sebuah binaan bangunan boleh menjadikan sesebuah tempat mudah dikenali dan diingati (Scerri, Edwards & Foley, 2016).

4.4.2 Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu Kepada Masyarakat

Peninggalan bangunan warisan pastinya mempunyai nilai kepada individu. Menurut Powell (1994) bangunan-bangunan warisan mempunyai keunikan dan keistimewaan yang tersendiri dari segi gaya seni bina. Melalui temubual bersama responden A, beliau melihat Pura Tanjung Sabtu ini sebagai satu peninggalan yang menarik dan mempunyai nilai seni pertukangan Melayu yang tinggi. Selain itu, menurut beliau lagi, peninggalan warisan yang diperbuat daripada kayu mempunyai ciri-ciri rekabentuk yang unik.

4.4.3 Pandangan Masyarakat Tentang Keteguhan Pura Tanjung Sabtu Dalam Jangka Masa Yang Lama

Berdasarkan temubual yang dijalankan, kesemua responden tidak bersetuju akan persoalan tentang adakah Pura Tanjung Sabtu ini akan kekal teguh dalam jangka masa yang lama. Pada pendapat responden C, Pura Tanjung Sabtu ini terbiar dan tiada usaha pemeliharaan dan pengawasan yang berskala dilaksanakan ke atas bangunan ini dalam masa yang sudah lama. Oleh itu, potensi untuk bangunan tersebut untuk kekal teguh dalam jangka masa yang lama adalah amat tipis. Seperti yang dilihat oleh pengkaji, banyak bahagian-bahagian pada bangunan tersebut sudah rosak yang disebabkan oleh pelbagai faktor. Antara kerosakannya adalah beberapa bahagian atap sudah roboh, kayu reput dan sebagainya.



Rajah 4.2 : Pura Tanjung Sabtu, Terengganu

(Sumber : Kajian Lapangan, 2021)

4.4.4 Kepentingan Semua Pihak Untuk Mengekalkan dan Memelihara Pura Tanjung Sabtu

Menurut Hobson (2004) & Ashurst (2006), bangunan warisan yang dibiarkan tanpa mempunyai usaha pemuliharaan bimbang akan lenyap ditelan zaman. Oleh sebab itu,

bangunan warisan yang ada amat penting untuk kita pulihara. Berdasarkan temubual yang dijalankan, semua responden bersetuju bahawa usaha untuk mengekalkan dan memelihara bangunan ini perlu dilaksanakan oleh semua pihak dan ianya amat penting. Semua pihak mempunyai kepentingan masing-masing dalam usaha untuk menjaga peninggalan warisan ini.

4.4.5 Pandangan Masyarakat Tentang Usaha Yang Boleh Dilaksanakan Bagi Membolehkan Bangunan Ini Agar Terus Utuh

Melalui temubual bersama responden A, antara usaha yang boleh dilakukan bagi menyelamatkan Pura Tanjung Sabtu ini adalah dengan mendapatkan dana dan kerjasama daripada kerajaan negeri termasuk korporat dan masukkan Pura Tanjung Sabtu sebagai tapak warisan. Dengan usaha ini, Pura Tanjung Sabtu akan lebih terjaga dan pemeriksaan yang berkala pasti akan dilaksanakan ke atas bangunan ini untuk mengekalkan Pura Tanjung Sabtu. Menurut Ahmad (2002) & Fielden (2003), bangunan memerlukan pengurusan yang sistematik dan penyenggaraan yang berterusan, jika tidak bangunan akan menjadi usang dan tidak boleh diduduki lagi. Oleh itu, menurut Ahmad (2002), Wood (2005) & Maintainourheritage (2007) penyenggaraan bangunan dan sistem perkhidmatan adalah suatu aktiviti yang penting dan harus dilakukan secara berterusan bagi mengelak dan meningkatkan pelaburan sesebuah organisasi.

4.5 Potensi Pura Tanjung Sabtu Sebagai Aset Pelancongan Warisan

Edwards, Griffin dan Hayllar (2008) & Edwards dan Foley (2016) pernah menyatakan elemen-elemen senibina seperti monumen, bangunan, taman, arca dan landskap menyumbang kepada identiti sesebuah tempat dan juga menjadi faktor penting untuk tarikan industri pelancongan. Sesebuah binaan bangunan boleh menjadikan sesebuah tempat mudah dikenali dan diingati. Oleh itu, Pura Tanjung Sabtu ini dilihat mempunyai potensi untuk dijadikan sebagai tarikan pelancong. Kebanyakan pelancong dilihat melancong ke tempat-tempat yang

bersejarah untuk melihat dengan lebih dekat bangunan-bangunan peninggalan sejarah. Dengan rekabentuk yang ada pada bangunan Pura Tanjung Sabtu, ianya mempunyai potensi yang besar untuk dijadikan sebagai tempat pelancongan warisan. Jika perkara itu berlaku, kawasan yang berada di sekitar kampung Pura Tanjung Sabtu pasti akan mengalami perubahan dari segi infrastruktur bagi menampung jumlah dan keperluan pelancong yang datang ke Pura Tanjung Sabtu.

4.5.1 Pandangan Masyarakat Tentang Potensi Pura Tanjung Sabtu Dijadikan Sebagai Aset Pelancongan Warisan

Berdasarkan temubual yang dibuat di Kampung Tanjung Sabtu dan Kampung berdekatan menunjukkan semua responden bersetuju Pura Tanjung Sabtu ini berpotensi untuk dijadikan sebagai aset pelancongan warisan. Bangunan Pura Tanjung Sabtu yang dibiarkan tanpa pengawasan dilihat sebagai satu kerugian bagi banyak pihak. Hal ini dikatakan demikian kerana, seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, Pura Tanjung Sabtu berpotensi untuk dijadikan aset pelancongan warisan kerana rekabentuk yang ada pada bangunan peninggalan warisan ini. Selain itu, sejarah di sebalik pembinaan Pura Tanjung Sabtu juga akan menjadi faktor penarikan pelancong.

4.5.2 Usaha Yang Boleh Dilakukan Agar Bangunan Warisan Boleh Digunakan Sebagai Tempat Pelancongan Warisan

Pelbagai usaha boleh dilakukan agar bangunan warisan terus terpelihara. Usaha ini bukan sahaja boleh dilakukan oleh pihak kerajaan, malah masyarakat juga boleh menyumbangkan usaha untuk bangunan warisan terus kekal dan utuh. Melalui temubual bersama responden C, usaha yang boleh dilakukan adalah dengan membaiki kerosakan yang ada tanpa menghilangkan nilai warisannya dan mempromosikan Pura Tanjung Sabtu dengan

lebih giat. Selain itu, responden juga turut menyatakan untuk menggunakan Pura Tanjung Sabtu sebagai tempat pelancongan warisan, ianya memerlukan penambahbaikan, pemuliharaan dan pemeliharaan yang berkala bagi memastikan keadaan bangunan tersebut terus terjaga.

4.5.3 Faktor Membolehkan Pura Tanjung Sabtu Menjadi Tempat Pelancongan Warisan

Setiap peninggalan warisan pastinya mempunyai tarikan yang tersendiri untuk menarik minat pelancong bukan sahaja dari dalam negara malah pelancong dari luar juga untuk datang melawat. Tarikan atau keistimewaan ini perlulah dijaga dengan sebaiknya untuk bangunan warisan ini terus hidup. Melalui sesi temubual, pengkaji mendapati, responden berpendapat rekabentuk bangunan Melayu yang ada pada Pura Tanjung Sabtu ini mampu untuk menarik minat pelancong yang suka akan rekabentuk senibina. Selain itu, responden juga turut menyatakan bangunan Pura Tanjung Sabtu ini mempunyai kelainan berbanding peninggalan warisan yang lain dan akhir sekali, sejarah yang terdapat di sebalik terbinanya Pura Tanjung Sabtu.

4.5.4 Pura Tanjung Sabtu Menerima Kunjungan Dari Luar

Pengkaji telah bertanya kepada para responden adakah Pura Tanjung Sabtu dikunjungi oleh orang luar selain penduduk disitu dan jawapannya adalah tidak. Hal ini dikatakan demikian kerana, Pura Tanjung Sabtu tidak dipromosikan dengan sewajarnya oleh sebab itu, pelancong tidak mengenali Pura Tanjung Sabtu. Bukan sahaja pelancong dari luar, malah penduduk di Terengganu juga ada yang tidak sedar akan kewujudan Pura Tanjung Sabtu ini. Selain itu, disebabkan tiada pengawasan, pengkaji melihat kawasan Pura Tanjung Sabtu amat tidak terurus dan tidak sesuai untuk dikunjungi oleh para pelancong. Di sekitar kawasan Pura Tanjung Sabtu ditumbuhi oleh lalang dan pokok-pokok yang menjalar.



Rajah 4.3 : Pura Tanjung Sabtu, Terengganu

(Sumber : Kajian Lapangan, 2021)

4.5.5 Pandangan Masyarakat Penglibatan Daripada Pelbagai Pihak Dalam Usaha Untuk Menjadikan Pura Tanjung Sabtu Sebagai Tarikan Pelancong

Menurut responden, penglibatan daripada pihak berwajib untuk memelihara Pura Tanjung Sabtu ini adalah masih di tahap yang rendah. Menurut A. Ghafar Ahmad (2007), antara warisan kebudayaan yang perlu dipelihara adalah bangunan yang mempunyai nilai sejarah, senibina dan budaya yang tinggi. Oleh itu, pada pandangan pengkaji, pihak yang berwajib perlu melakukan sesuatu agar bangunan ini terus utuh dalam jangka masa yang lama.

4.6 Penutup

Peninggalan warisan Pura Tanjung Sabtu ini dilihat dapat dijadikan simbol sejarah di negeri Terengganu. Oleh itu, hal ini telah menunjukkan betapa pentingnya dalam memastikan bangunan bersejarah ini terus dipelihara dan dilindungi. Jika usaha ini dilaksanakan, bangunan bersejarah pastinya dapat bertahan dalam jangka masa yang lama dan dapat diwarisi oleh generasi yang akan datang agar mereka tahu akan sejarah yang telah berlaku pada zaman dahulu. Selain daripada untuk diwarisi oleh generasi akan datang, bangunan

bersejarah juga mampu untuk menarik minat pelancong untuk melawat. Bagi pengkaji, Pura Tanjung Sabtu ini perlulah dipelihara kerana ianya mampu untuk dijadikan simbol atau daya tarikan dan juga dapat dijadikan tatapan generasi akan datang.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 5

PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan

Bahagian ini dapat memberikan gambaran yang menyeluruh secara ringkas mengenai kajian yang telah dijalankan dan membuat kesimpulan mengenai dapatan hasil ketiga-tiga analisis kajian. Di dalam bab ini juga perbincangan yang dibuat menjadi ukuran terhadap potensi keberkesanan dapatan maklumat yang diperolehi dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Seterusnya, pada bahagian ini juga pengkaji akan mengutarakan beberapa cadangan dan saranan yang dilihat relevan dan sesuai dengan keadaan Pura Tanjung Sabtu. Dalam usaha untuk memelihara Pura Tanjung Sabtu ini memerlukan usaha yang mapan oleh semua pihak agar kerja-kerja pemeliharaan berjalan dengan lancar.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menghuraikan dan merumuskan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu. Perbincangan mengenai dapatan kajian ini dilakukan berdasarkan pada penganalisan data ketiga-tiga analisis objektif kajian yang diulas secara terperinci di dalam penulisan bab empat sebelum ini.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Mengetahui Sejarah Kewujudan Pura Tanjung Sabtu.

Setelah kajian dijalankan bagi mencapai objektif dan persoalan pertama kajian ini, pengkaji dapat merangkumi secara lebih terperinci tentang sejarah kewujudan Pura Tanjung Sabtu. Pura Tanjung Sabtu ini dilihat mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Antaranya dari segi rekabentuk dan juga sejarah disebalik terbinanya Pura Tanjung Sabtu ini. Pura Tanjung Sabtu ini dibina dengan gabungan tujuh buah rumah yang diambil dari kawasan yang berbeza. Rekabentuk Pura Tanjung Sabtu ini juga mempunyai rekabentuk rumah-rumah Melayu yang lama dan dikatakan telah berusia antara 100 hingga 200 tahun. Bagi pengkaji, Pura Tanjung Sabtu ini mempunyai nilai yang tinggi dari segi sejarah kerana ianya boleh dijadikan tatapan untuk generasi akan datang dan mereka tahu akan rekabentuk rumah-rumah lama masyarakat Melayu yang mempunyai makna dan kegunaan pada setiap ruangan yang ada. Dengan itu, rekabentuk rumah Melayu lama tidak akan dipinggirkan.

Seterusnya, dalam pemerhatian pengkaji kepada Pura Tanjung Sabtu ini, pengkaji dapat mengetahui tentang keberadaan lokasinya yang agak terpinggir dari arus pembangunan di Kuala Terengganu. Lokasi Pura Tanjung Sabtu juga terletak jauh ke dalam kampung Pura Tanjung Sabtu, maka sedikit sukar untuk orang luar mencari lokasi tersebut. Hal ini boleh dibuktikan dengan sesi temubual yang telah dijalankan oleh pengkaji dimana dua daripada sepuluh orang responden tidak mengetahui tentang wujudnya Pura Tanjung Sabtu. Dari segi sejarah pembinaan Pura Tanjung Sabtu Pula adalah disebabkan Allahyarham Tengku Ismail Tengku Su terinspirasi dengan istana yang terdapat di Osaka, Jepun iaitu istana Nijo-jo.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Mengetahui Persepsi Masyarakat Tentang Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu

Berdasarkan temubual yang sudah dilaksanakan di kampung Tanjung Sabtu dan kampung berdekatan, pengkaji mendapati Pura Tanjung Sabtu mempunyai nilai yang tinggi kepada responden kerana bangunan Pura Tanjung Sabtu adalah satu peninggalan sejarah yang unik di Terengganu dan mempunyai nilai estetika dan sejarah rekabentuk rumah Melayu yang mungkin sukar untuk ditemui pada masa akan datang. Namun begitu, Pura Tanjung Sabtu ini dilihat tidak mampu untuk berdiri dengan utuh dalam jangka masa yang lama. Hal ini dikatakan demikian kerana, Pura Tanjung Sabtu ini telah lama dibiarkan terbiar tanpa pengawasan dan penjagaan yang sistematik. Disebabkan perkara ini, pengkaji melihat banyak bahagian-bahagian pada Pura Tanjung Sabtu mengalami kerosakan yang amat teruk. Sebagai contoh, atap yang telah roboh, kayu yang mereput dan sebagainya. Oleh itu, semua pihak perlulah berganding bahu untuk menyelamatkan satu peninggalan warisan yang kita tidak akan dapat lagi pada masa yang akan datang.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3: Mengenalpasti Potensi Pura Tanjung Sabtu Sebagai Aset Pelancongan Warisan

Melalui temubual yang dijalankan, pengkaji mendapati bahawa Pura Tanjung Sabtu ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk dijadikan sebagai aset pelancongan warisan di Terengganu. Pengkaji mendapati, responden berpendapat rekabentuk bangunan Melayu yang ada pada Pura Tanjung Sabtu ini mampu untuk menarik minat pelancong yang suka akan rekabentuk senibina rumah-rumah Melayu. Selain itu, responden juga turut menyatakan bangunan Pura Tanjung Sabtu ini mempunyai kelainan berbanding peninggalan warisan yang lain dan sejarah yang terdapat di sebalik terbinanya Pura Tanjung Sabtu. Namun begitu, berdasarkan temubual yang dijalankan, responden menyatakan bahawa penglibatan daripada

pihak berwajib untuk memelihara Pura Tanjung Sabtu ini masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini telah menyebabkan Pura Tanjung Sabtu tidak mendapat kunjungan daripada orang luar kerana keadaan pada bangunan dan kawasan sekitar yang dilihat masih kurang sesuai untuk dijadikan sebagai tempat tarikan pelancong. Oleh itu, pada pandangan pengkaji, pihak yang berwajib perlu melakukan sesuatu agar bangunan ini dapat terus utuh dalam jangka masa yang lama.

5.3 Rumusan

Natijahnya, hasil perbincangan mendapati bahawa kaedah atau metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan kajian Persepsi Komuniti Setempat Terhadap Keistimewaan Pura Tanjung Sabtu, Terengganu adalah berhasil dan berkesan. Melalui temubual yang dijalankan terhadap responden, kaedah ini sememangnya membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat untuk ketiga-tiga objektif. Temubual yang dijalankan ke atas penduduk kampung Tanjung Sabtu dan kampung berhampiran amat memainkan peranan penting untuk memastikan kelancaran dalam mendapatkan maklumat Pura Tanjung Sabtu tersebut.

Seterusnya, dapat dirumuskan dalam analisis yang dilakukan di dalam bab 4 mengenai tiga objektif utama memperlihatkan secara keseluruhannya masih ada lagi kekurangan dari segi usaha pemeliharaan Pura Tanjung Sabtu ini. Hal ini mendorong pengkaji untuk mempertahankan Pura Tanjung Sabtu ini melalui analisis potensi Pura Tanjung Sabtu sebagai aset pelancongan warisan di mana pengkaji ingin menyatakan bahawa peninggalan tersebut nilai sejarah dan rekabentuk rumah Melayu yang menarik yang mampu untuk dijadikan sebagai aset pelancongan warisan.

5.4 Cadangan

Pura Tanjung Sabtu adalah satu peninggalan warisan yang harus diselamatkan agar dapat dijadikan aset pelancongan warisan yang sepatutnya perlu dikenali oleh orang ramai sama ada dari dalam mahupun luar negara. Segala jenis kerosakan yang berlaku pada bangunan Pura Tanjung Sabtu perlu dikaji dan ditambah baik dari semasa ke semasa agar peninggalan warisan ini tetap terjaga dan mampu untuk terus kekal dalam jangka masa yang lama. Oleh itu, terdapat beberapa cadangan dan saranan dalam kajian penyelidikan berkenaan Pura Tanjung Sabtu ini dikenalpasti untuk penyelidikan di masa hadapan. Antaranya adalah:

1. Menjadi Bukti Sejarah dan Kebudayaan di Terengganu

Pengkaji berharap agar Pura Tanjung Sabtu ini akan menjadi salah satu ikon ataupun tempat yang bersejarah dari segi sejarah pembinaan dan senibina bangunan agar dapat menjadi bukti sejarah dan kebudayaan yang kekal di samping menjadi bahan rujukan ilmiah kepada para pengkaji lain serta masyarakat tempatan. Peninggalan warisan terutamanya warisan tidak ketara yang tidak terpelihara dan terpulihara keasliannya biasanya akan pupus tanpa disedari dan ianya merupakan satu perkara yang merugikan kerana hilangnya salah satu tempat bersejarah di kawasan tersebut.

2. Merekomendasi Keberadaan Pura Tanjung Sabtu

Usaha untuk mempromosi dan memartabatkan peninggalan warisan ini perlu dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa secara konsisten untuk memperkenalkan Pura Tanjung Sabtu ini kepada penduduk tempatan lebih-lebih lagi Pihak Berkuasa Tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, bagi pengkaji, cadangan ini perlulah diperhalusi oleh pengkaji yang akan datang melalui pembentangan kertas kerja dan perbincangan dengan pihak berkuasa tempatan negeri seperti pihak Kerajaan negeri Terengganu agar Pura

Tanjung Sabtu ini diwartakan supaya keadaan Pura Tanjung Sabtu pada masa akan datang lebih terjamin.

3. Pendokumentasian Penuh Pura Tanjung Sabtu

Cadangan seterusnya yang perlu diperhalusi oleh pengkaji yang akan datang adalah untuk melakukan pendokumentasian yang lebih terperinci terhadap Pura Tanjung Sabtu dan kawasan-kawasan sekitarnya. Jika dirujuk kajian-kajian lepas, kajian tentang Pura Tanjung Sabtu masih lagi kurang. Oleh itu, jika kajian ini diperhalusi, ianya boleh dijadikan sebagai antara rujukan utama oleh pengkaji yang berikutnya.

5.5 Penutup

Natijahnya, identiti sesuatu senibina itu dapat diibaratkan sebagai satu perkara yang amat berharga kerana nilai estetik dan juga dapat mencerminkan jati diri sesebuah bangsa. Pura Tanjung Sabtu yang diperbuat daripada kayu keseluruhannya menyebabkan struktur bangunan telah mengalami kerosakan yang teruk. Tambahan pula tiada penjagaan yang baik juga telah menyumbang kepada kerosakan yang berlaku pada struktur bangunan Pura Tanjung Sabtu. Bangunan bersejarah adalah penting untuk dipelihara kerana bangunan telah dikategorikan sebagai Warisan Ketara di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Bangunan bersejarah juga penting bagi sesebuah negara kerana ia dapat memaparkan budaya sesuatu masyarakat kepada orang luar selain itu, bangunan warisan juga adalah satu aset penting untuk sesebuah negara. Secara keseluruhannya, pengkaji melihat Pura Tanjung Sabtu ini adalah satu peninggalan yang menarik. Selain itu, Pura Tanjung Sabtu ini dilihat mampu untuk dijadikan sebagai salah satu tarikan pelancongan warisan.

RUJUKAN

- Ahmad, A. (2013, October 1). (PDF) Seni bina Islam: Satu Pengamatan. ResearchGate.
https://www.researchgate.net/publication/277667082_Seni_bina_Islam_Satu_Pengamatan
- Janetius, P. S. T. (2020, April 17). (PDF) What is Architecture? ResearchGate.
https://www.researchgate.net/publication/340687715_What_is_Architecture
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (n.d.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kamaruddin, O. F. (2018, August 29). Bagaimana Terengganu Mendapat Namanya? The Patriots. <https://www.thepatriots.asia/16896-2/>
- Misbaha. (1992). SEJARAH DARUL IMAN (Edisi ke-3). Digital Ocean Spaces.
<https://sgp1.digitaloceanspaces.com/proletarian-library/singapore-malaysia/Data%20Haji%20Muhammad%20Saleh%20Bin%20Haji%20Awang/SEJARAH%20DARUL%20IMAN%20%28185%29/SEJARAH%20DARUL%20IMAN%20-%20Data%20Haji%20Muhammad%20Saleh%20Bin%20Haji%20Awang.pdf>
- Norlizaiha, H. S. (2005). Sejarah dan Pengaruh Senibina. Academia.edu.
https://www.academia.edu/6035467/Sejarah_dan_Pengaruh_Senibina
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Terengganu. Portal | Terengganu Darul Iman. (n.d.).
<http://www.terengganu.gov.my/index.php/ms/>
- Prof. Mdy. Dr. Zainal Abidin Akasah. (2011). Masalah dalam pemuliharaan bangunan warisan di Malaysia. Academia.edu.
https://www.academia.edu/2854839/Masalah_dalam_pemuliharaan_bangunan_warisan_di_Malaysia

Puteri Roslina Abdul Wahid, H. M. (1990). *TERMINOGRAFI MELAYU : KOSA KATA SENI KRAF MELAYU Abstrak TERMINOGRAPHY IN MALAY CRAFTS Abstract Pengenalan*. 212–225.

Sinar Harian. (2020, January 16). Pura Tanjung Sabtu, cantik tetapi terbiar. Sinarharian. <https://www.sinarharian.com.my/article/66142/VIDEO/SocMed/Pura-Tanjung-Sabtu-cantik-tetapi-terbiar>

Tugang, N., & Ain, S. (2020, June). Kajian Bangunan Warisan Bersejarah Oldcourt House, Kuching, Sarawak. ResearchGate. https://www.researchgate.net/publication/342243063_Kajian_Mengenai_Bangunan_Warisan_Bersejarah_Oldcourt_House_Di_Kuching_Sarawak

RUJUKAN

CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 1

| PERKARA | MINGGU | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--------|---|---|---|---|---|---|---|---|----|----|----|----|----|----|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 |
| Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian) | ■ | | | | | | | | | | | | | | |
| Draf awal | | ■ | | | | | | | | | | | | | |
| Bab 1 : Pendahuluan | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | |
| Bab 2 : Sorotan Kajian | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | |
| Bab 3 : Metodologi Kajian | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | | |
| Penghantaran draf | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | |
| Penyuntingan | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | |
| Pembentangan PP1 | | | | | | | | | | | | | | ■ | |
| Pembetulan | | | | | | | | | | | | | | | ■ |
| Penghantaran PP1 | | | | | | | | | | | | | | | ■ |

CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 2

| PERKARA | MINGGU | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--------|---|---|---|---|---|---|---|---|----|----|----|----|----|----|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 |
| Perjumpaan Bersama Penyelia | ■ | | | | | | | | | | | | | | |
| Perbincangan Projek Penyelidikan 2 | | ■ | | | | | | | | | | | | | |
| Membuat Soalan Temubual | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | | |
| Perjumpaan Bersama Penyelia | | | | ■ | | | | | | | | | | | |
| Pembetulan untuk Soalan Temubual | | | | ■ | ■ | | | | | | | | | | |
| Kajian Lapangan | | | | ■ | ■ | ■ | | | | | | | | | |
| Menganalisis Dapatan Temubual | | | | | | ■ | ■ | ■ | | | | | | | |
| Bab 4 : Dapatan Kajian | | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | |
| Bab 5 : Rumusan dan Cadangan | | | | | | | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | ■ | | | |
| Penghantaran Bab 4 dan Bab 5 | | | | | | | | | | | | ■ | ■ | | |
| Perjumpaan bersama Penyelia | | | | | | | | | | | | ■ | ■ | ■ | |
| Penambahbaikan Laporan Projek Penyelidikan | | | | | | | | | | | | | ■ | ■ | |
| Penghantaran PP2 | | | | | | | | | | | | | | ■ | |
| Pembentangan Projek Penyelidikan 2 | | | | | | | | | | | | | | ■ | |
| Penghantaran Full Draf Laporan Projek Penyelidikan | | | | | | | | | | | | | | | ■ |





UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN